

SR/01/02/2023

Khamis, 2 Februari 2023

Sarawak perolehi RM11.9 bilion kutipan hasil bagi tahun 2022

KUCHING, 2 Feb - Premier Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg mengumumkan Sarawak berjaya memperoleh jumlah kutipan hasil melangkaui unjuran hasil sebanyak 17 peratus daripada RM10.2 bilion kepada RM11.9 bilion dan ini merupakan prestasi hasil tertinggi pernah dicapai oleh Sarawak.

Menurut Abang Johari dalam sidang media khas di Dewan Sri Sarawak, Dewan Undangan Negeri Petra Jaya, di sini, petang tadi, hasil Sarawak terdiri daripada empat kategori utama iaitu hasil cukai (tax revenue), hasil bukan cukai (non-tax revenue), terimaan bukan hasil (non-revenue receipts) serta pemberian dan pembayaran balik Persekutuan (Federal grants and reimbursements).

"Hasil cukai menyumbang RM6.7 bilion atau 56 peratus daripada jumlah hasil, manakala kategori lain menyumbang 44 peratus termasuk kategori Cukai Jualan Negeri (SST) menyumbang sebanyak 84 peratus atau RM5.6 bilion daripada jumlah hasil cukai yang dikutip.

"Produk bercukai di bawah SST, antara lain, terdiri daripada produk minyak dan gas, produk kelapa sawit dan aluminium.

"Prestasi yang lebih baik dalam kutipan SST adalah disebabkan oleh harga pasaran yang lebih tinggi pada tahun 2022 untuk produk minyak dan gas serta produk kelapa sawit berbanding sebelum pengenalan SST ke atas produk minyak dan gas, khususnya

bagi tahun kewangan 2018, hasil yang dikutip ketika itu ialah RM7.2 bilion,” tambahnya.

Oleh itu, prestasi hasil bagi tahun kewangan 2022 menyaksikan peningkatan sebanyak 68 peratus berbanding tahun 2018.

Kerajaan Sarawak akan terus mengkaji dan meneliti pelbagai inisiatif utama untuk meningkatkan hasil Sarawak melalui peningkatan, meluaskan dan mempelbagaikan sumber pendapatannya sesuai dengan sasaran Sarawak yang berhasrat menjadi sebuah negeri mempunyai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2030 seperti yang digariskan dalam Strategi Pembangunan Pasca-Covid-19 (PCDS) 2030.

Pada tahun 2022, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan seperti menguatkuasakan dasar dividen Negeri ke atas Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Statutory Bodies and Government Linked Companies), dan mengenakan SST ke atas arang batu.

Dalam masa sama, Abang Johari turut memaklumkan tentang pelanjutan diskaun bil elektrik iaitu meneruskan pemberian Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) pada diskaun bil elektrik sebanyak lima peratus hingga 25 peratus untuk pengguna domestik, komersial dan industri untuk enam bulan pertama tahun ini melibatkan sejumlah RM200 juta. **-TAMAT-**

Disediakan oleh: Joshua Amir Sibat (BMKK)

Jurufoto: Chua Sim Choon (BKVS)

Jabatan Penerangan Negeri Sarawak

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

Keterangan gambar :

Foto 1 & 2 –Abang Johari (tiga kiri) semasa sesi siding media khas di Dewan Sri Sarawak, Dewan Undangan Negeri Petra Jaya, petang tadi. Turut kelihatan ialah Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah (kiri), Datuk Amar Douglas Uggah Embas (kedua kiri) dan Dato Sri Dr Sim (tiga kanan).